

08 OCT 2001

Parlimen-Mahathir (Bush)

BUSH KINI LEBIH RASIONAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush kini bersikap lebih rasional dan tidak menimbulkan soal sikap Malaysia yang enggan menyokong tindakan negara itu menyerang Afghanistan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya telah bercakap dengan Bush semasa dia panggil saya menerusi telefon dan pada masa itu saya dapati dia agak rasional.

"Dia tak tanya saya bahawa jika saya tak sokong Amerika Syarikat maka saya menyebelahi penganas... dia tak tanya langsung... dia tak sebut langsung perkara itu," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Haji Abdul Hadi Awang (PAS-Marang).

Dr Mahathir berkata; "Sebaliknya... apa yang beliau sebut ialah kita perlu bertindak melawan penganas dengan cara masing-masing."

Perdana Menteri ditanya mengenai sikap Malaysia terhadap kenyataan Bush yang dilaporkan berkata bahawa mana-mana pihak yang tidak menyebelahi Amerika Syarikat menyerang Afganistan bermakna menyebelahi penganas.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak dapat menerima kenyataan itu kerana Malaysia menentang keganasan dan menanggapi tindakan menyerang Afghanistan bukan cara menyelesaikan masalah.

"Tapi kita harus ingat semasa dia buat kenyataan itu dia dalam keadaan panas kerana baru saja berlaku (serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington) dan dia mungkin bercakap dengan emosional... tapi nampaknya pendirian dia sudah berubah dan mungkin sudah sejuk sikit," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia menentang keganasan dan tidak menyebelahi penganas tetapi ini tidak semestinya bermakna Malaysia menjadi rakan dalam tindakan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Perdana Menteri berkata beliau juga telah menulis sepucuk surat kepada Bush bagi menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu keganasan seperti yang diminta sementara menunggu pertemuan mereka semasa persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, China bulan ini.

Dr Mahathir berkata beliau juga menulis sepucuk surat kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair mengenai pendirian Malaysia dan Blair bersetuju dengan pendapat Malaysia bahawa perlu diadakan persidangan antarabangsa bagi mendefinisikan keganasan di samping mengenal pasti punca ia berlaku.

Beliau berkata tafsiran keganasan berbeza-beza kerana seseorang itu akan dianggap penganas pada satu ketika dan tanggapan itu boleh berbeza pada satu ketika yang lain.

Katanya terdapat berbagai-bagai sebab mengapa seseorang itu bertindak ganas sama ada sengaja bertindak ganas atau untuk membalas tindakan yang dilakukan oleh pihak lain.

Beliau berkata ada keganasan yang dilakukan oleh kerajaan sesebuah negara seperti yang dilakukan oleh kerajaan Israel terhadap Palestin apabila mereka bertindak ganas dengan membunuh rakyat Palestin termasuk kanak-kanak sungguhpun ada cara rundingan untuk menyelesaikan masalah.

Justeru, adalah penting masyarakat antarabangsa mengenalpasti punca keganasan itu berlaku dan berusaha membantarasnya.

Ketika bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak akan mengambil apa-apa tindakan atau menyokong usaha Amerika Syarikat menyerang Afghanistan.

"Pendirian kita ialah masalah yang menyebabkan mereka ini mengganas mestilah ditangani sekarang," katanya.

Beliau bagaimanapun yakin serangan Amerika Syarikat itu belum sampai tahap "perang habis-habisan" dan tidak begitu berkesan kerana banyak daripada pengganas itu berada di luar Afghanistan.

Katanya, serangan Amerika itu masih jelas ditujukan kepada mereka yang dianggapnya sebagai pengganas.

Mengenai bukti penglibatan Osama bin Laden yang ditunjukkan oleh pihak Amerika kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pada Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata beliau sendiri tidak melihat bukti berkenaan.

"Tetapi kalau Menteri Luar kata ada bukti, saya tentulah bersetuju dengan menteri saya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak membenarkan keganasan di negara ini tetapi: "Kadang-kadang mereka mahu serahkan memorandum, itu boleh dibenarkan tetapi tolong lakukan secara aman."

Mengenai laporan sebelum ini bahawa terdapat akaun Osama di Malaysia, Perdana Menteri menjelaskan bahawa kerajaan telah menjalankan pemeriksaan dan mendapati tiada sebarang akaun melibatkan Osama atau pertubuhan Al-Qaeda.

-- BERNAMA
RZS AKT NMO